

10/07/2003

Thailand sokong syor Dr Mahathir

KANGAR: Kerajaan Thailand menyokong penuh saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya projek pembinaan Kompleks Pemeriksaan Kastam dan Imigresen (CIQ) di Durian Burung, Kedah, disiapkan segera.

Duta Besar Thailand ke Malaysia, Chaisiri Anamarn, berkata saranan Perdana Menteri itu tepat pada masanya kerana kerajaan Thailand sudah menyiapkan jalan raya ke kawasan berkenaan.

Beliau berkata, kerajaannya sudah menyiapkan jalan sepanjang 4.2 kilometer bermula dari Kampung Ban Prakop sehingga pintu sempadan yang menelan belanja 50 juta Baht (RM4.8 juta).

"Jumlah itu adalah peruntukan kerajaan Thailand menerusi Belanjawan 2002," katanya kepada Berita Harian di sini, semalam.

Chaisiri berkata, kerja-kerja membina CIQ di kawasan Thailand dijangka akan dimulakan secepat mungkin selepas mendapat peruntukan daripada kerajaan pusat.

"Kedua-dua pihak sepatutnya bekerjasama dan bersepakat menyediakan kemudahan di kawasan sempadan masing-masing kerana ia akan membawa kebaikan apabila siap kelak," katanya.

Ketika melawat tapak pembinaan CIQ di Durian Burung kelmarin, Dr Mahathir dilaporkan memberitahu kontraktor sepatutnya menyiapkan kemudahan

jalan raya seperti yang dilakukan kerajaan Thailand.

Pembinaan CIQ itu diusahakan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan

anak syarikat Kumpulan Bukhary, Gerak Masyur Sdn Bhd, manakala pemajunya ialah Northern Intergrated Agriculture Sdn Bhd.

Pembinaan CIQ yang dianggarkan menelan kos sebanyak RM130 juta itu dibina di kawasan seluas 15.48 hektar dan turut membabitkan pembinaan bandar baru yang dikenali sebagai Kota Putra.

CIQ itu adalah pintu sempadan ketujuh dan yang pertama di bawah Kawasan

Pertumbuhan Segi Tiga Utara Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).